



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PROFIL KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTERA SEKOLAH MENENGAH DI BANDAR DAN LUAR BANDAR DI DAERAH HILIR PERAK**

**AMINAH BINTI BAHRUDIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PROJEK ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2007**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali kajian-kajian lepas yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



Tarikh:



13.4.2007



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan A

Tandatangan



PustakaTBainun



ptbupsi

Nama: Aminah bt. Baharudin

No. Matrik: M20021000622



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## DECLARATION

I hereby declare that the research in this paper project is my own except literature review and summaries which have been duly acknowledged.

Date: 13.4.2007

Signature: 

Name : Aminah binti Baharudin

Matrix No. M20021000622



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## HALAMAN PERAKUAN PENERIMAAN

Setelah diteliti laporan latihan ilmiah yang bertajuk, Profil Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Bumiputera Sekolah Menengah Di Bandar dan Luar Bandar di Daerah Hilir Perak yang telah disempurnakan oleh Aminah binti Baharudin dan telah diterima sebagai memenuhi syarat Pensarjanaan Program Sarjana Pendidikan dalam pengkhususan Pengajian Perniagaan.

Diperakukan oleh:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

.....  
Encik Osman bin Jusoh

Pensyarah,

Fakulti Perniagaan dan Ekonomi

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim,

Perak Darul Ridzuan.

Tarikh: 13.4.2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



**PROFIL KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR  
BUMIPUTERA SEKOLAH MENENGAH DI BANDAR DAN DI LUAR BANDAR  
DI DAERAH HILIR PERAK.**

OLEH

AMINAH BINTI BAHARUDIN

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah profil keusahawanan dalam kalangan pelajar bumiputera sekolah menengah di bandar dan luar bandar di Daerah Hilir Perak. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat hubungan dalam menentukan profil keusahawanan berdasarkan jantina, lokasi sekolah, latar belakang keluarga, persekitaran tempat tinggal penduduk dan jurusan yang diambil di sekolah. Sebanyak 200 sampel telah dipilih daripada lapan buah sekolah menengah di bandar dan luar bandar di Daerah Hilir Perak. Satu set soal selidik yang mengandungi 100 item digubal untuk meninjau profil keusahawanan dalam kalangan pelajar bumiputera sekolah menengah di bandar dan di luar bandar. Profil keusahawanan pelajar bumiputera dikaji menggunakan tiga belas ketrampilan diri, iaitu (i) inisiatif (ii) melihat dan merebut peluang (iii) cekal (iv) mencari maklumat (v) menitikberatkan mutu kerja yang tinggi (vi) komitmen terhadap perjanjian kerja (vii) berorientasikan ke arah kecekapan (viii) membuat perancangan yang sistematis (ix) penyelesaian masalah (x) keyakinan diri (xi) ketegasan (xii) kemampuan meyakinkan orang lain (xiii) mampu menggunakan strategi pengaruh. Dalam kajian ini, dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferens. Analisis statistik deskriptif menunjukkan pelajar-pelajar bumiputera memiliki profil keusahawanan pada tahap sederhana sahaja. Ini kerana nilai min hanyalah dalam lingkungan3. Justeru itu usaha-usaha ke arah mempertingkatkan profil keusahawanan di sekolah menengah perlu dipertingkatkan lagi dengan memberi penekanan yang lebih terhadap pembentukan profil keusahawanan dalam kurikulum dan kokurikulum sekolah. Analisis ujian-t dengan aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 ( $p<0.05$ ) digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan dalam profil keusahawanan berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang ditentukan. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk pembolehubah jantina, lokasi sekolah, latarbelakang keluarga, persekitaran tempat tinggal dan jurusan yang diambil, dalam menentukan profil keusahawanan pelajar-pelajar bumiputera di sekolah menengah bandar dan luar bandar di daerah Hilir Perak.





# ENTREPRENEURIAL PROFILES AMONG NATIVE STUDENTS FROM URBAN AND RURAL SECONDARY SCHOOL IN THE DISRICT OF HILIR PERAK

BY

AMINAH BINTI BAHRUDIN

## ABSTRACT

The purpose of this study is to look how far entrepreneurial profiles among native students from urban and rural secondary schools in the district of Hilir Perak. Besides that, this study also aims to observe whether there are any relationships in determining entrepreneurial profiles based on gender, school location, family background, residential area and field of studies. A total of 200 samples were choosen from eight secondary schools from urban and rural area in the district of Hilir Perak. A set of questionaires containing 100 items were formulated to determine entrepreneurial profiles among native students from urban and rural secondary schools. Entrepreneurial profiles of native students were assessed using 13 competences namely, (i) Initiative (ii) Looking and seeking for opportunities (iii) Tenacity (iv) Search for information (v) Emphasis on high achievement (vi) Committed towards work contract (vii) Orientation of proficiency (viii) To make systematic planning (ix) Ability of solving problem (x) Self Confidence (xi) Certainty (xii) Able to convince others (xiii) Able to use influencial strategic. In this study two types of statistic were used namely descriptive and inferential statistics. Descriptive statistic analysis showed that native students posessed entrepreneurial profiles at the moderate level. This is proven where the mean scored was 3 for all competences. Therefore more effort to raise entrepreneurial profiles among native students in secondary school should be done through curriculum and cocurriculum activities. T-Test analysis with the significant level of 0.05 ( $p<0.05$ ) were used to determine the differencc in entrepreneurial profiles bascd on the variables. The findings showed there were no significant relationships among gender, school location, family background, residential area and field of studies in determining entrepreneurial profiles among native students from urban and rural secondary schools in the district of Hilir Perak.





## SENARAI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>Tajuk</b>	i
Perakuan Pelajar versi Bahasa Melayu	ii
Perakuan Pelajar versi Bahasa Inggeris	iii
Perakaun Penerimaan	iv
Abstrak versi Bahasa Melayu	v
Abstrak versi Bahasa Inggeris	vi
<b>Kandungan</b>	vii-viii
Penghargaan	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Jadual	xi-xii
Senarai Carta	xiii
Senarai Singkatan	xiv

<b>Bab</b>	<b>1</b>	
1.1	<b>Pengenalan</b>	1
1.2	<b>Pendahuluan</b>	4
1.3	<b>Latarbelakang Kajian</b>	12
1.4	<b>Pernyataan Masalah</b>	15
1.5	<b>Pendekatan Istilah</b>	18
1.6	<b>Pendekatan Teori</b>	19
1.6.1	<b>Teori-teori model keusahawanan mengikut ahli-ahli ekonomi</b>	19
1.6.2	<b>Teori-teori model keusahawanan mengikut ahli-ahli sosiologi</b>	21
1.6.3	<b>Teori-teori model keusahawanan mengikut ahli-ahli psikologi</b>	23
1.6.4	<b>Teori-teori model keusahawanan mengikut Pandangan Islam</b>	25
1.7	<b>Kerangka Kajian</b>	26
1.8	<b>Objektif Kajian</b>	28
1.8.1	<b>Objektif Umum</b>	28
1.8.2	<b>Objektif Khusus</b>	28
1.9	<b>Persoalan Kajian</b>	29
1.10	<b>Hipotesis Kajian</b>	30
1.11	<b>Batasan Kajian</b>	31
1.12	<b>Definisi Operasional</b>	31
<b>Bab</b>	<b>2</b>	
2.1	<b>Ulasan kajian-kajian Lepas</b>	40
2.2	<b>Pengenalan</b>	40
2.2.1	<b>Ulasan Kajian-kajian Lepas</b>	40





	<b>2.2.2 Keusahawanan</b>	44
	<b>2.2.3 Profil Keusahawanan</b>	47
	<b>2.2.4 Pelajar-pelajar Bumiputera</b>	50
	<b>2.2.5 Luar Bandar</b>	51
	<b>2.2.6 Bandar</b>	51
<b>2.3</b>	<b>Rumusan</b>	52
<b>Bab</b>		
<b>3</b>	<b>Metodologi Kajian</b>	
3.1	<b>Pengenalan</b>	53
3.2	<b>Rekabentuk Kajian</b>	53
3.3	<b>Populasi Kajian</b>	55
3.4	<b>Sampel Kajian</b>	55
3.5	<b>Tempoh Kajian</b>	56
3.6	<b>Kaedah Mengumpul Data</b>	56
3.6.1	<b>Data Primer</b>	56
3.6.2	<b>Data Skunder</b>	56
3.7	<b>Instrumen Kajian</b>	57
3.8	<b>Cara Penganalisisan Data</b>	59
3.9	<b>Ujian Kepercayaan Alat Kajian</b>	60
3.9.1	<b>Kajian Rintis</b>	61
3.10	<b>Prosedur Kajian</b>	62
<b>Bab</b>		
<b>4</b>	<b>Dapatan dan Perbincangan</b>	
4.1	<b>Pengenalan</b>	63
4.2	<b>Demografi Responden</b>	63
4.3	<b>Latarbelakang Keluarga Responden</b>	74
4.4	<b>Persekutaran Responden</b>	79
4.5	<b>Jurusus yang Diambil Di Sekolah</b>	85
4.6	<b>Persoalan Kajian</b>	89
4.7	<b>Rumusan</b>	112
<b>Bab</b>		
<b>5</b>	<b>Kesimpulan dan Cadangan</b>	
5.1	<b>Pengenalan</b>	114
5.2	<b>Kesimpulan Kajian</b>	114
5.3	<b>Cadangan Dari Pada Penemuan Kajian</b>	116
5.4	<b>Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan</b>	118
5.5	<b>Penutup</b>	119

**RIBLIOGRAFI**  
**SOALAN SOAL SELIDIK**  
**LAMPIRAN**





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang.

Syukur Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Allah kerana saya telah diberi kesempatan untuk menyiapkan projek ini

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim yang telah memilih saya untuk mengikuti pengajian pengsarjanaan ini bagi menambah ilmu.

Saya mengambil peluang keemasan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada En. Osman bin Jusoh, selaku pensyarah penyelia projek ini yang telah banyak memberi teguran, tunjuk ajar dan membantu saya dalam penulisan ini. Penulisan latihan ilmiah ini suatu pengalaman akademik yang terlalu mahal nilainya dan mengajar saya erti kegigihan dan kesabaran.



Tidak lupa juga saya rakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang mengajar saya, kerana secara tak langsung anda juga turut membantu saya dengan kuliah-kuliah yang diberikan.

Rakaman jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada responden-responden kajian serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi kerjasama.

Akhir sekali terima kasih kepada keluarga, terutama anak-anak yang sanggup berkorban dan bersabar menunggu ibumu mengejar cita-cita akademik dalam usia yang senja dalam masa anda semua memerlukan perhatian.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

## SENARAI RAJAH

### Muka Surat

Rajah 1	Model Keusahawanan mengikut ahli ekonomi	20
Rajah 2	Model Sosiologi Munculnya Seorang Usahawan	21
Rajah 3	Model Hirrarki Keperluan Maslow	24
Rajah 4	Model Keusahawanan Islam	25
Rajah 5	Kerangka Kajian.	27



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

x



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi



## SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 4.2.1	Frekuensi dan peratusan mengikut jantina	64
Jadual 4.2.2	Frekuensi dan peratusan mengikut lokasi sekolah	66
Jadual 4.2.3	Frekuensi dan peratusan lokasi sekolah mengikut agihan jantina	68
Jadual 4.2.4	Frekuensi dan peratusan usia pelajar	70
Jadual 4.2.5	Frekuensi dan peratusan mengikut cita-cita pelajar	72
Jadual 4.3.1	Frekuensi dan peratusan mengikut jenis pekerjaan utama keluarga	74
Jadual 4.3.2	Frekuensi dan peratusan mengikut pekerjaan sampingan keluarga	76
Jadual 4.3.3	Frekuensi dan peratusan mengikut pendapatan keluarga	77
Jadual 4.4.1	Frekuensi dan peratusan mengikut tempat tinggal pelajar	79
Jadual 4.4.2	Frekuensi dan peratusan mengikut kelompok masyarakat	81
Jadual 4.4.3	Frekuensi dan peratusan mengikut pekerjaan utama penduduk	83
Jadual 4.5.1	Frekuensi dan peratusan mengikut jurusan pelajar	85
Jadual 4.5.2	Frekuensi dan peratusan mengikut galakan untuk memilih jurusan sekarang	87
Jadual 4.6.1	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan inisiatif	91
Jadual 4.6.2	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan melihat dan merebut peluang	93
Jadual 4.6.3	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan cekal	94
Jadual 4.6.4	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan mencari maklumat	95
Jadual 4.6.5	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil menitikberatkan mutu kerja yang tinggi	97
Jadual 4.6.6	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan komitmen terhadap perjanjian kerja	99





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 4.6.7	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan berorientasikan ke arah kecekapan	101
Jadual 4.6.8	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan membuat perancangan yang sistematik	102
Jadual 4.6.9	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan penyelesaian masalah	104
Jadual 4.6.10.	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan keyakinan diri	106
Jadual 4.6.11	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan ketegasan	108
Jadual 4.6.12	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan kemampuan meyakinkan orang lain	109
Jadual 4.6.13	Keputusan Ujian ‘t’ bagi profil keusahawanan mampu menggunakan strategi pengaruh	111



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI CARTA

### Muka Surat

Carta 1	Peratus mengikut jantina	65
Carta 2	Peratus mengikut lokasi sekolah	67
Carta 3	Peratus lokasi sekolah mengikut agihan jantina (perempuan)	69
Carta 4	Peratus lokasi sekolah mengikut agihan jantina (lelaki)	69
Carta 5	Peratus usia responden/pelajar	70
Carta 6	Peratus agama responden/pelajar	71
Carta 7	Peratus cita-cita responden/pelajar	73
Carta 8	Peratus mengikut jenis pekerjaan utama keluarga	75
Carta 9	Peratus mengikut pekerjaan sampingan keluarga	76
Carta 10	Peratus mengikut pendapatan keluarga	78
Carta 11	Peratus mengikut tempat tinggal pelajar	80
Carta 12	Peratus mengikut kelompok masyarakat	82
Carta 13	Peratus mengikut pekerjaan utama penduduk	84
Carta 14	Peratus mengikut jurusan pelajar	86
Carta 15	Peratus mengikut galakan untuk memilih jurusan sekarang	88



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

1. D.E.B - Dasar Ekonomi Baru.
2. D.P.N. - Dasar Pembangunan Negara.
3. R.M.K 8 - Rancangan Malaysia ke 8
4. R.M.K 9 - Rancangan Malaysia ke 9
5. RRJP 3 - Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga.
6. MPPB - Masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## Bab 1

### 1.1 Pengenalan

Perlaksanaan dasar ekonomi baru (DEB) dan dasar pembangunan negara (DPN) yang telah berlangsung melebihi dua dekad yang lalu berjaya memberi wajah baru kepada kaum bumiputera. Perlaksanaannya telah membawa dimensi baru dalam keusahawanan Bumiputera bermula pada tahun 1980an. Dekad ini memperlihatkan kelahiran golongan usahawan bumiputera yang berbeza daripada usahawan 1960an dan 1970an dari beberapa segi.

Pada tahun 1960an kaum bumiputera dilihat sebagai masyarakat yang kurang berdaya usaha, kurang cerdik, kurang berdisiplin dan kurang bercita-cita. Mereka juga tidak mahu bersaing. Ini berbeza dengan usahawan bumiputera selepas perlaksanaan DEB, yang mempunyai kelayakan pendidikan yang tinggi dan mampu mengendalikan operasi perniagaan yang lebih besar serta menceburi bidang perindustrian baru seperti perbankan, insurans, harta tanah dan sebagainya. Mereka tidak lagi setakat mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan tetapi telah mula mendirikan syarikat sendirian Berhad dan ada di kalangan syarikat ini telah berkembang menjadi syarikat berhad. Mohd Fauzi (1988).

Langkah yang diambil oleh kerajaan dalam perlaksanaan DEB berjaya meningkatkan penubuhan sebilangan besar syarikat yang dimiliki dan diuruskan oleh kaum bumiputera serta mewujudkan golongan usahawan Bumiputera yang baru.

Malaysia (1991). Perlaksanaan DEB juga berjaya melahirkan kelas kapitalis bumiputera pada tahun 1990 dan sekitar 2000.

Walaupun pada hakikatnya banyak program yang dilaksanakan bagi melahirkan kelas usahawan bumiputera tidak berkesan atau gagal tetapi usaha pihak kerajaan tidak disia-siakan dan justeru itu ada bumiputera yang muncul sebagai usahawan yang berjaya.

Di sini jelas dilihat bahawa penglibatan kaum bumiputera dalam bidang keusahawanan menandakan satu transformasi sosio-budaya, intelektual dan spiritual kaum bumiputera daripada mentaliti kampung kepada mentaliti metropolis. Mereka yang terlibat dalam sektor perniagaan juga melalui transformasi dari segi sistem nilai iaitu tidak lagi segan dan malu, sebaliknya bersikap agresif dan mengutamakan kepentingan diri. Nik Rashid (1988).

Rentetan daripada itu satu resolusi dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Ke 3 pada Januari 1992, telah meletakkan ukuran kejayaan aktiviti keusahawanan yang dapat dilihat dari aspek kuantitatif nisbah usahawan bumiputera dalam keluarga mulai 1990 hingga 2020 iaitu, mensasarkan seorang usahawan dalam 20 keluarga bagi tahun 1990, seorang usahawan dalam 15 keluarga bagi tahun 2000, seorang usahawan dalam 10 keluarga dan 2010 dan menjelang tahun 2020 mensasarkan seorang usahawan bagi setiap 5 keluarga. Dalam merealisasikan cita-cita kerajaan untuk membangunkan usahawan bumiputera, tanpa jemu-jemu kerajaan telah melakukan usaha dengan mewujudkan Kementerian Pembangunan Usahawan pada tahun 1995. Misi utama kementerian ini



ialah bagi membantu mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera manakala visinya adalah untuk mewujudkan masyarakat Bumiputera yang menjadi teras kepada pencapaian Wawasan 2020. Begitu juga dalam rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang telahpun dilancarkan di Parlimen, di mana hala tuju masa depan untuk mencapai tujuan pengagihan ialah dengan mewujudkan usahawan Bumiputera berdikari dan berdaya tahan melalui program pembangunan masyarakat perdagangan dan perniagaan Bumiputera (MPPB), yang mana asasnya telahpun ada dalam DEB. Selaras dengan itu, persekitaran yang membolehkan Bumiputera menghadapi cabaran globalisasi juga akan disediakan berserta penyertaan berkesan Bumiputera dan kumpulan lain yang belum menikmati faedah pembangunan dalam ekonomi berdasarkan pengetahuan akan digalakkan. Ini penting agar masyarakat Bumiputera tidak akan ketinggalan dalam merebut peluang itu nanti.



Dalam Rancangan Malaysia ke 8, ekonomi telah berkembang sebanyak 7.5 peratus setahun, yang mana pendapatan perkapita RM17 779 menjelang 2005. Dalam tempoh ini juga Institut Keusahawanan Negara ditubuhkan. Bagi penyusunan semula masyarakat, Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) ditumpukan. Jika dilihat daripada perancangan yang telah dibuat, tumpuan kepada keusahawanan masih diteruskan dari semasa ke semasa yang mana asasnya telahpun ada semasa dasar DEB dilaksanakan. Begitu juga dalam Rancangan Malaysia yang ke 9, yang mana akan mengadakan program 3K iaitu kemahiran, keusahawanan dan kepimpinan yang akan diberi penekanan dalam rancangan ini. Kursus-kursus kemahiran kepada golongan belia akan diberi penekanan kepada kursus-kursus kemahiran di





Syarikat swasta. Rancangan Malaysia ke 9 ini juga dianggap sebagai lonjakan akhir yang mana semangat DEB harus dihidupkan semula menjelang tahun 2020.

Justeru itu dalam proses melahirkan usahawan yang berjaya, pembudayaan dan penerapan profil keusahawanan sangat penting. Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengadakan beberapa program latihan dan bimbingan untuk usahawan yang merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat pertama, melibatkan program pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar sekolah dan penuntut institusi pengajian tinggi. Peringkat kedua melibatkan program latihan asas perniagaan yang ditawarkan kepada mereka yang berminat menjadi usahawan sementara, dan peringkat ketiga pula melibatkan penawaran kursus-kursus teknikal untuk meningkatkan prestasi dan memajukan perniagaan yang sedia ada



## 1.2 Pendahuluan

Keusahawanan merupakan satu bidang yang penting bagi sebuah negara kerana ia dapat membantu mengakis budaya makan gaji di kalangan rakyatnya. Keusahawanan juga dapat membantu membangunkan ekonomi sebuah negara melalui pertumbuhan perniagaan-perniagaan baru yang sering menghasilkan idea, barang dan perkhidmatan baru.

Di Negara kita profil keusahawanan telah lama wujud terutama dalam kalangan masyarakat Cina. Boleh dikatakan bahawa etnik Cina memiliki profil keusahawaan serta



berjaya menceburi hampir semua jenis industri dan perniagaan dalam ekonomi. Mereka telah mula melibatkan diri dalam sektor perdagangan apabila sektor perlombongan bijih timah tergugat.

Justeru itu untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang seimbang dalam sektor ekonomi, penerapan profil keusahawanan di kalangan Bumiputera adalah sangat penting. Oleh itu ia perlu dipupuk sejak mereka dibangku sekolah lagi.

Profil keusahawanan bermaksud memiliki ketrampilan keusahawanan. Untuk menjadi seorang usahawan yang cemerlang dan berdaya maju perlu mempunyai ketrampilan keusahawanan. Penerapan profil keusahawanan adalah proses pembangunan sikap dan personaliti usahawan agar cintakan kejayaan dan kecemerlangan dalam setiap usaha yang dilakukan. Melalui proses ini akan membolehkan usahawan bertindak selaras dengan tuntutan moral, etika dan akhlak agar kesan daripada aktiviti yang dilakukan akan mendatangkan kesejahteraan kepada diri sendiri dan masyarakat pada masa kini atau yang akan datang. Berpegang kepada pendapat Ahmad Berek (1976) bahawa usahawan boleh dilahirkan melalui latihan, maka pihak kerajaan telah merangka berbagai-bagai program yang dapat meningkatkan kadar penyertaan kaum bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Selain itu, mengikut pandangan Muhamad Salleh Majid (2003), yang mana menurut beliau orang Cina awal-awal lagi telah membawa anak mereka ke kedai basikal atau motosikal atau kedai runcit untuk mengekalkan budaya usahawan dan menerapkan profil keusahawanan, walaupun anak

mereka nanti tidak semestinya bekerja di kedai basikal atau motosikal. Ini menunjukkan dari kecil lagi mereka sudah membuat persediaan.

Penglibatan seseorang dalam bidang keusahawanan sememangnya mempunyai hubungan dengan latar belakang keusahawanan keluarga. Dalam kajian Lye Sok Ha (1991), menunjukkan bahawa terdapat dua faktor yang mendorong usahawan Cina untuk bermiaga iaitu atas usaha sendiri atau warisan. Majoriti daripada usahawan Cina berkenaan mendapatkan bantuan ahli keluarga, saudara mara dan rakan untuk menguruskan perniagaan. Ini menggambarkan ikatan kekeluargaan yang erat di kalangan orang Cina di Malaysia membantu melahirkan usahawan yang berjaya.

Menurut pandangan Muhammad Saleh Majid (2003), sebagai salah seorang tokoh usahawan bumiputra yang berjaya, budaya keusahawanan bukan sahaja perlu ada dalam perniagaan malah dalam merealisasikan cita-cita dalam pendidikan juga. Ini berpandukan nilai-nilai dan profil keusahawanan itu sendiri. Ini bermakna konsep keusahawanan boleh dihalusi daripada perspektif perniagaan, pengurusan dan peribadi. Menurut beliau kelemahan kaum bumiputra ialah sangat cepat berpuas hati apabila memperolehi kejayaan yang kecil. Mereka bersikap persimis dan takut menanggung risiko. Ini adalah antara halangan-halangan yang wujud dalam usaha membangunkan usahawan bumiputra .

Profil usahawan bumiputra semestinya unik kerana faktor sejarah, agama dan budaya usahawan yang sedia ada. Menurut kajian Mohamed (1988) ialah; usahawan

bumiputera ingin anak mereka mengikuti langkah mereka. Ini adalah tanda positif pembentukan profil keusahawanan. Begitu juga responden menganggap bahawa wang adalah untuk masa depan bukan untuk kegunaan sekarang.

Menurut Hisrich, (1998) iaitu dalam hampir kesemua definisi usahawan, terdapat persetujuan bahawa usahawan seringkali dikaitkan dengan gelagat tertentu seperti mengambil inisiatif, mengorganisasi mekanisme sosial dan ekonomi untuk menukar sumber-sumber dan situasi kepada sesuatu yang lebih praktikal, menanggung risiko atau kegagalan. Gelagat-gelagat di atas perlu disemai kepada kaum bumiputera. Kaum bumiputera, terutama yang beragama islam sepatutnya mengamalkan ciri-ciri yang ada pada Rasullullah S.A.W. Rasullullah sendiri menjalankan perniagaan dan kesemua profil keusahawanan yang ada pada masa kini, telah wujud pada Rasullullah terlebih dahulu. Agama Islam juga mengatakan 99 % daripada punca rezeki itu datangnya dari perniagaan. Ini ditambah pula dengan nilai-nilai agama islam yang memerlukan kita berusaha.

Pihak kerajaan pula sedari awal lagi telahpun merancang kurikulum pendidikan yang berkaitan keusahawanan melalui matapelajaran-matapelajaran seperti kemahiran hidup, perdagangan, ekonomi asas, ekonomi, prinsip perakaunan, rekacipta dan yang terbaru matapelajaran prinsip keusahawanan samada di peringkat sekolah rendah, menengah rendah dan atas bagi membudayakan pelajar-pelajar dengan ilmu keusahawanan. Begitu juga di bidang kokurikulum, di mana pelbagai program melalui kelab dan persatuan telah dirancang dan dilaksanakan dalam penerapan budaya



keusahawanan di kalangan pelajar. Contohnya seperti kelab usahawan muda, koperasi sekolah, kelab kewangan, kelab pengguna, kelab perdagangan dan keusahawanan, kelab rekacipta dan berbagai lagi. Ini tidak terbatas kepada kaum bumiputera sahaja tetapi kepada semua pelajar.

Di bidang kurikulum, matapelajaran-matapelajaran yang berkaitan keusahawanan kesemuanya digubal oleh pihak kementerian pendidikan di bawah kelolaan jabatan teknik dan vokasional dan diletakkan di dalam kumpulan matapelajaran elektif, kecuali matapelajaran kemahiran hidup di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah. Kesemua matapelajaran tersebut memerlukan pelajar menduduki peperiksaan kecuali kemahiran hidup sekolah rendah. Guru-guru yang mengajar pula terdiri daripada guru-guru yang telah didedahkan dengan matapelajaran tersebut samada di maktab perguruan mahupun di peringkat universiti. Berbeza dengan bidang kurikulum yang berkaitan di mana kelab-kelab atau persatuan keusahawanan dikendalikan oleh guru-guru di sekolah tetapi dianjurkan oleh agensi-agensi atau institusi luar yang berkaitan. Contohnya , kelab kewangan di bawah anjuran bank-bank dan di atas persetujuan kementerian pendidikan dan dikendalikan oleh guru penasihatnya di sekolah. Begitu juga koperasi sekolah, di bawah jabatan pembangunan koperasi, kelab keusahawanan di bawah Kementerian pembangunan usahawan dan Koperasi.

Contohnya, Program Keusahawanan Remaja yang dilaksanakan di bawah program Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) yang memfokuskan kepada kegiatan perniagaan syarikat-syarikat yang ditubuhkan sendiri oleh



pelajar-pelajar di sekolah. Ciri terpenting program ini ialah penglibatan dan peranan pihak luar, samada agensi kerajaan ataupun badan swasta atau korporat yang terlibat secara langsung untuk mengendalikan program ini di sekolah-sekolah. Kandungan terpenting program ini ialah ilmu dan amalan mengenai kitaran hidup sesebuah syarikat yang bermula daripada penubuhan, pendaftaran, pengurusan dan proses menjalankan perniagaan sehingga kepada pembubaran syarikat. Secara amnya, sesebuah syarikat yang ditubuhkan akan beroperasi sepanjang sesi persekolahan berjalan. Ini dapat mendedahkan pelajar-pelajar terutamanya bumiputera dalam realiti dunia kesusahawanan.

Begitu juga pertandingan kelab-kelab keusahawanan yang terbaik, yang kita lihat di akhbar-akhbar utusan sepanjang tahun ini, diantaranya adalah untuk menarik minat pelajar-pelajar serta menerapkan profil dan ciri-ciri keusahawanan di kalangan mereka agar lebih ramai menyertainya.

Usaha mewajibkan semua sekolah menubuhkan koperasi sekolah merupakan usaha membudayakan pelajar-pelajar dengan budaya keusahawanan. Penubuhan koperasi sekolah telah dilaksanakan oleh semua sekolah dan kita lihat terdapat beberapa buah koperasi sekolah di negara ini telahpun mencapai tahap yang diinginkan. Namun tidak dinafikan, ada di antaranya sekadar penubuhan dan pendaftaran sahaja.

Walaupun terdapat berbagai perancangan melalui kurikulum mahupun ko-kurikulum pendidikan berkaitan keusahawanan di sekolah, ia tidak dapat dilaksanakan



secara menyeluruh kerana bukan semua pelajar berpeluang untuk melibatkan diri, terutama pelajar-pelajar menengah atas yang tidak menjadikan matapelajaran teknik dan vokasional sebagai matapelajaran elektif. Biasanya pelajar yang didedahkan adalah pelajar yang mengambil jurusan teknik dan vokasional sahaja. Pelajar-pelajar aliran sains mengikuti program sains dan terpisah dari aktiviti keusahawanan. Kalau adapun pelajar-pelajar yang mengambil matapelajaran ini secara persendirian, mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar bukan bumiputera.

Oleh itu untuk pencapaian yang lebih menyeluruh, pihak-pihak berkenaan khususnya Kementerian Pendidikan sentiasa mencari penyelesaian agar realiti untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), dalam mencapai wawasan 2020 akan tercapai. Kalaupun bukan melalui pendidikan secara langsung di sekolah, mungkin melalui kaedah lain yang boleh dilaksanakan asalkan kaum bumiputera mendapat pendedahan awal dalam bidang keusahawanan dan boleh bertindak secara kreatif dan inovatif. Menurut Timmon (1985), keusahawanan merupakan tindakan kemanusian yang kreatif dalam membina sesuatu yang bernilai dan mengejar peluang-peluang tanpa menghiraukan kewujudan sumber atau sebaliknya. Ia memerlukan wawasan, keghairahan dan komitmen untuk memimpin orang lain ke arah pencapaian wawasan disamping menanggung risiko-risiko yang mungkin berlaku.

Contohnya, budaya dan ciri-ciri keusahawanan Cina yang tersirat dalam sejarah pembentukan struktur masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya serta tidak terpisah daripada pengaruh kuasa politik dan ekonomi. Menurut Chin



Yee Whah (1998); Hofstede (1984); Keesing (1974). Budaya dan keusahawanan Cina di Malaysia, sifat dinamik budaya adalah ia sentiasa disesuaikan dengan persekitaran tempatan dan mengambil ciri tempatan. Begitu juga dalam kajian Hofstede (1997), yang mengatakan budaya tidak diwarisi secara semualajadi dari gen seseorang tetapi berasal daripada persekitaran sosial seseorang. Budaya boleh dipelajari dan boleh diubahsuai oleh pengaruh budaya kolektif dan juga pengalaman peribadi. Oleh itu keunikan sesuatu budaya, dipengaruhi oleh persekitaran tempatan untuk disesuaikan dengan kelompok yang mempunyai ciri umum. Oleh itu, jika seseorang individu dilahirkan dalam persekitaran perniagaan, sudah tentu pengalaman tersebut diperolehi secara peribadi.

Hujah penyelidik-penyalidik di atas telah dibuktikan oleh migran Cina yang telah dapat menyesuaikan diri kepada permintaan sesuatu sistem Negara bangsa di mana mereka tinggal sama ada atas sebab nasib, keadaan terdesak atau melalui pilihan. Mereka menerima kewarnegaraan dan kesetiaan, bahasa dan norma sosial, dan membentuk komuniti dan persatuan baru untuk membela kepentingan mereka. Cohen (1997).

Kesimpulannya ialah profil keusahawanan boleh diterapkan di kalangan kaum bumiputera dan pelajar-pelajar bumiputera, serta boleh merealisasikan hasrat wawasan 2020. Oleh itu apa yang hendak dilihat dan dikaji di sini ialah sejauh manakah wujudnya budaya dan profil keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar bumiputera di sekolah menengah bandar dan luar bandar di daerah Hilir Perak.

### 1.3 Latarbelakang Kajian

Profil keusahawanan bermaksud memiliki ketrampilan keusahawanan. Untuk menjadi seorang usahawan yang cemerlang dan berdaya maju perlu mempunyai ketrampilan keusahawanan. Penerapan profil keusahawanan adalah proses pembangunan sikap dan personaliti usahawan agar cintakan kejayaan cemerlangan dalam setiap usaha yang dilakukan.

Profil keusahawanan dalam kalangan pelajar bumiputera merupakan keterampilan diri pelajar bumiputera kearah menjadikan usahawan sebagai kerjaya. Untuk mengenalpasti pelajar-pelajar yang memiliki profil keusahawanan dalam kajian ini, penyelidik menggunakan alat ketrampilan. Tiga kategori ketrampilan perlu ada pada seseorang usahawan iaitu ketrampilan perilaku, ketrampilan memulakan perniagaan, dan ketrampilan mengurus perniagaan. Kajian ini memberi penekanan khusus untuk mengenali usahawan dalam kalangan pelajar-pelajar, justeru ketrampilan perilaku adalah bersesuaian.

13 set ketrampilan perilaku ini telah dikemukakan oleh McClelland dan McBer & Co., (1985), hasil daripada satu penyelidikan merentasi budaya terhadap sekumpulan usahawan berjaya di Malawi, India dan Ecuador dalam tahun 1985. Pendekatan ini selain dihasilkan melalui penyelidikan, ia boleh dizahirkan dalam bentuk ujian atau alat latihan dan boleh dikendalikan kepada individu untuk menilai diri. Berdasarkan keputusan ujian

tersebut profil diri boleh dibentuk untuk penganalisisan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan melalui soalan soal selidik.

Justeru itu, 13 set ketrampilan diri atau profil yang digunakan oleh penyelidik ialah inisiatif, merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasikan ke arah kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, penyelesaian masalah, keyakinan diri, ketegasan, kemampuan meyakinkan orang lain dan mampu menggunakan strategi pengaruh. 13 set ktrampilan ini digunakan untuk mengukur sejauh mana pelajar memiliki profil ini.

Di daerah Hilir Perak terdapat 22 sekolah menengah yang terdiri daripada sekolah gred A dan gred B , di mana pelajarnya terdiri daripada pelbagai kaum. Sekolah-sekolah yang dikategorikan sekolah bandar ialah sekolah-sekolah yang terletak di persekitaran bandar Teluk Intan, yang kebanyakannya pelajarnya terdiri daripada pelbagai kaum, manakala sekolah-sekolah yang dikategorikan sekolah luar bandar ialah sekolah-sekolah yang terletak di pinggir bandar dan kampong yang kebanyakannya terdiri daripada satu kaum ataupun di manopoli oleh majoriti sesuatu kaum sahaja. Contohnya di kawasan penduduk Cina, pelajar-pelajarnya adalah keturunan Cina. Sekolah yang dikaji terdiri daripada 4 buah sekolah menengah di bandar dan 4 buah lagi adalah sekolah menengah di luar bandar. Sekolah menengah dibandar populasinya adalah pelbagai kaum manakala sekolah menengah di luar bandar majoriti pelajarnya adalah kaum bumiputera.

Kebanyakkan sekolah di daerah Hilir Perak ada menawarkan matapelajaran prinsip perakaunan, ekonomi asas dan perdagangan selepas pelajar-pelajar kelas sains. Ini bermakna pelajar-pelajar yang mengambil matapelajaran yang berkaitan keusahawanan adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang sederhana dari segi pencapaian akademiknya. Responden yang dipilih secara rawak dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil jurusan sains dan prinsip perakaunan. Begitu juga dengan kegiatan kurikulum yang berkaitan keusahawanan, setakat ini belum ada aktiviti yang berkaitan keusahawanan dijadikan aktiviti daerah yang melibatkan semua pelajar dari sekolah-sekolah di daerah Hilir Perak.

Di daerah Hilir Perak, kebanyakan peniaga atau usahawan berjaya adalah terdiri daripada masyarakat Cina dan India dan kaum bumiputera atau melayu hanyalah sebagai peniaga runcit kecil sahaja. Walau bagaimanapun terdapat juga sebuah kilang minuman, dan rangkaian restoran bumiputera.

Peluang-peluang keusahawanan dalam daerah Hilir Perak masih banyak, terutama di bandar Teluk Intan kerana kepadatan penduduk dan peluang-peluang yang masih belum diterokai oleh penduduk seperti bidang perkhidmatan, pendidikan, perniagaan makanan, pakaian dan pelbagai lagi. Ini boleh diterokai oleh generasi usahawan sekarang dan akan datang.

Di dalam menyokong usaha kerajaan untuk menggalakkan kaum bumiputera untuk menjadi usahawan, penyelidik mengambil peluang untuk menyelidik berkaitan

profil usahawan pelajar bumiputera di sekolah menengah bandar dan luar bandar di daerah Hiler Perak.

#### 1.4 Pernyataan Masalah

Kita menyedari bahawa pelajar adalah aset penting negara. Pelajar adalah kesinambungan generasi masa depan yang bakal memimpin dan menyemarakkan pertumbuhan ekonomi negara serta bakal memikul peranan sebagai penggerak utama pembangunan.

Teori pembangunan ekonomi negara menyarankan bahawa pada peringkat awal dalam pembangunan negara, kerajaan adalah penggerak utama. Dari masa ke masa, peranan kerajaan sebagai penggerak utama harus berkurangan lantas sampai ke satu tahap pembangunan di mana tanggungjawab penggerak utama itu akan dipikul pula oleh golongan lain, khususnya usahawan.

Perjalanan Malaysia memasuki abad ke 21 akan menyaksikan peranan usahawan sebagai penggerak utama yang lebih menonjol. Justeru itu kerajaan telah memberi tumpuan pendedahan keusahawanan melalui Kementerian Pendidikan yang dilihat sebagai wahana bagi penyediaan sumber tenaga manusia yang boleh dibentuk dan dilatih untuk menjadi usahawan. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan matapelajaran asas Kemahiran Hidup di peringkat sekolah rendah diikuti dengan matapelajaran perdagangan, keusahawanan, ekonomi dan prinsip perakaunan di peringkat sekolah

menengah yang dilihat memberi impak ke arah menanamkan minat terhadap dunia perniagaan dan keusahawanan.

Di bidang kurikulum pula pihak kementerian pendidikan telah menerapkan asas perniagaan dan keusahawanan melalui kelab-kelab dan persatuan akademik seperti kelab usahawan muda, kelab kewangan, kelab keusahawanan dan lain-lain. Kebanyakan kelab-kelab ini dikendalikan oleh guru-guru di sekolah sebagai penasihat tetapi dianjurkan oleh agensi-agensi atau institusi luar yang berkaitan. Usaha mewajibkan semua sekolah menubuhkan koperasi sekolah merupakan usaha penerapan keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum di sekolah.

Pendekatan kerajaan dengan menyeimbangkan taraf ekonomi antara kaum, di samping menyemarakkan pertumbuhan ekonomi, berjaya mewujudkan penawaran kumpulan usahawan bumiputera yang pernah dianggap sebagai masyarakat yang kurang berdaya usaha, kurang cerdik, kuang berdisiplin dan kurang bercita-cita serta mereka dikatakan tidak mahu bersaing. Ini adalah antara hasil daripada pendidikan keusahawanan yang telah diterapkan diperingkat sekolah serta di institusi pengajian tinggi. Lantaran itu, kesempatan untuk membuat kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah wujudnya profil keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar bumiputera di sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar di daerah Hilir Perak.

Profil keusahawanan dalam kalangan pelajar bumiputera merupakan keterampilan diri pelajar bumiputera kearah menjadikan usahawan sebagai kerjaya. Oleh itu kajian ini



ingin meninjau samaada terdapat perbezaan dari segi profil keusahawanan di antara pelajar bumiputera di sekolah menengah di kawasan bandar dibandingkan dengan sekolah menengah di luar bandar di daerah Hilir Perak.

Bagi melengkapkan persoalan tersebut, maka kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk mengetahui samaada terdapat perbezaan dari segi jantina pelajar dalam menentukan profil keusahawanan di sekolah menengah di bandar dan di luar bandar. Dalam Zaidatul Akmaliah (1998), dalam Norhatta bt Mohd (2003), terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Manakala kajian Mokhtar (1995), dalam Norhatta bt Mohd (2003), tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan.

Disamping itu, latarbelakang keluarga juga mungkin menjadi penentu dalam menentukan profil keusahawanan pelajar bumiputera di sekolah menengah dalam daerah Hilir Perak. Latarbelakang keluarga difokuskan kepada keluarga pelajar yang menjalankan perniagaan dan yang tidak menjalankan perniagaan. Kajian Norhatta (2003), mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar yang keluarganya mempunyai latarbelakang usahawan dengan yang tidak mempunyai latarbelakang usahawan. Kajian Lye Sok Ha (1991), mendapati latarbelakang keluarga mempengaruhi sikap keusahawanan masyarakat Cina.

Selain daripada itu, penyelidik berminat untuk mengenalpasti profil keusahawanan pelajar bumiputera mempunyai kaitan dengan persekitaran tempat tinggal.





Persekutuan tempat tinggal adalah samaada pelajar-pelajar tinggal dalam lingkungan penduduk yang menjalankan perniagaan atau tidak menjalankan perniagaan.

Sementara itu pula, penyelidik berminat untuk mengenalpasti perbezaan jurusan atau aliran pelajar iaitu pelajar aliran sains dibandingkan pelajar yang mengambil matapelajaran prinsip perakaunan dalam menentukan profil keusahawanan pelajar bumiputera.

Kesimpulannya, penyelidik mendapati belum ada lagi kajian profil keusahawanan dalam kalangan pelajar bumiputera di sekolah menengah telah dijalankan. Oleh itu penyelidik menganggap kajian ini adalah sangat penting dan relevan pada masa kini.



## 1.5 Pendekatan Istilah

- D.E.B - Dasar Ekonomi Baru.
- D.P.N. - Dasar Pembangunan Negara.
- R.M.K 8- Rancangan Malaysia ke 8
- R.M.K 9 - Rancangan Malaysia ke 9
- RRJP 3 - Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga.
- MPPB - Masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.





## 1.6 Pendekatan Teori

### 1.6.1 Teori-teori model keusahawanan mengikut ahli-ahli ekonomi.

Ahli ekonomi seperti Schumpter, telah meletakkan inovasi sebagai ciri usahawan. Peranan inovasi yang dimaksudkan oleh beliau merangkumi semua kegiatan atau usaha yang membawa kepada satu pembaharuan. Bagi Schumpter, usahawan dianggap sebagai seorang yang melakukan pengubahsuaian atau inovasi yang tidak akan membiarkan sistem ekonomi berada di dalam suasana yang lalu. Beliau berpendapat bahawa usahawanlah yang membawa kepada pembangunan ekonomi. Schumpter (1934).

Ahli ekonomi yang lain seperti Izrael Kirziner pula menghubungkan keusahawanan dengan soal ketidaktentuan. Beliau berpendapat seorang usahawan itu berperanan sebagai orang tengah iaitu segala peluang yang dilihatnya akan diambil kesempatan sepenuhnya. Kirziner (1973).

Marshall (1961), pula mendefinisikan keusahawanan sebagai satu proses evolusi iaitu hayat sesebuah perniagaan dari peringkat awal hingga terus. Luput dari pasaran. Beliau juga menyebut tentang ahli perniagaan dan bagaimana perniagaan berkembang melalui proses masa, iaitu dari perniagaan runcit hingga syarikat perniagaan yang menjalankan beberapa aktiviti perniagaan. Hayat perniagaan akan hilang apabila pemiliknya mati. Ketiadaan pemiliknya akan menimbulkan soal pengganti bagi meneruskan perniagaan atau jika keadaan lebih tenat, pembahagian harta di kalangan






pewarisnya. Perniagaan yang mati ini akan digantikan oleh perniagaan baru yang dimulakan oleh ahli-ahli perniagaan yang lain. Alfred Marshall (1961).

Kesimpulanannya model keusahawanan mengikut ahli-ahli ekonomi ialah,

### Pengaruh Persekutaran



**Rajah 1. Model Keusahawanan mengikut ahli ekonomi**

Sumber: Disesuaikan daripada Humam (1988)



## 1.6.2 Teori-teori model keusahawanan mengikut ahli-ahli sosiologi

Teori sosiologi menjelaskan keadaan sosial yang mempengaruhi kemunculan seseorang usahawan dan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi keputusan menjadi usahawan. Ini dijelaskan dalam model sosiologi seperti di bawah;

### Dorongan Kepada Keusahawanan

### Ciri Situasi

#### *Pengalihan Negatif*

- Status Imigran
- Diberhentikan kerja
- Bosan, Marah
- Krisis Pertengahan Umur
- Bercerai, Kematian Pasangan
- Tiada pilihan kerjaya lain

#### *Tempoh Peralihan*

- Militari
- Sekolah
- Penjara
- Pusat Latihan Kemahiran

#### *Tarikan Positif*

- Daripada Bakal Rakan Kongsi
- Daripada Mentor
- Daripada Pelabur
- Daripada Pelanggan

#### *Tolakan Positif*

- Bapa
- Kerjaya
- Pendidikan/Keagamaan
- Pengalaman
- Kemahiran/Latihan

#### *Persepsi Dorongan*

- Budaya/Nilai/Sikap
- Keluarga
- Rakan Sekerja
- Mentor
- Rakan Sebaya
- Masyarakat

#### *Persepsi Kebolehlaksanaan*

- Sokongan/Bantuan
- Demonstrasi
- Model
- Mentor
- Rakan Kongsi
- Peluang

#### *Acara Aktiviti Keusahawanan*

- Mengambil Inisiatif
- Membuat Perancangan
- Penggabungan Sumber
- Pengurusan Organisasi
- Menganggung Risiko

### KEUSAHAWANAN

**Rajah 2 Model Sosiologi Munculnya Seorang Usahawan**

Sumber: Dipetik daripada Teks Pengajian Perniagaan 2. STPM, MATRIKULASI (2003)

Faktor-faktor sosial yang terdapat dalam model di atas disokong oleh pandangan-pandangan beberapa orang ahli sosiologi.



Menurut ahli sosiologi iaitu Everett Hagen, proses melahirkan usahawan akan berlaku di kalangan kumpulan bawahan yang tidak berpuas hati di dalam ses sebuah masyarakat. Menurutnya lagi, usaha ini akan mengambilkira bentuk kegiatan-kegiatan ekonomi dan penerokaan di dalam bidang perniagaan yang baru. Teori keusahawanan yang dibawa oleh Hagen ini adalah berdasarkan kepada kajian kes sejarah di negara Jepun, ‘Columbia, United Kingdom dan Rusia. Hagen (1962) dalam Adnan (1992).

Gibb dan Richi pula menyatakan teori keusahawanan sebagai teori pembangunan sosial, iaitu sosialisasi memainkan peranan dalam memberi anjakan ke arah melahirkan usahawan-usahawan baru. Konsep Gibb dan Ricchi lebih berbentuk intraktif iaitu interaksi atau tindakbalas di antara individu-individu yang belum berniaga di alam perniagaan . Gibb & Richi (1990).



Max Weber seorang ahli sosiologi berbangsa Jerman menyatakan elemen keagamaan sebagai asas untuk mencapai kejayaan di dalam kegiatan ekonomi. Menurut beliau kejayaan golongan Protestant di dalam kegiatan ekonomi adalah disebabkan oleh etika agama Protestant atau Protestant Ethic. Beliau juga cuba menunjukkan hubungan kepercayaan agama dengan kegiatan hidup sehari-hari. Perkara ini dibincangkan dengan lebih panjang lebar di dalam bukunya ‘The Protestant Ethics and the spirit of Capitalism’ Weber (1958).





### 1.6.3 Teori-teori model keusahawanan mengikut ahli-ahli psikologi.

Mc.Clelland (1961,1976), menyatakan usahawan-usahawan yang berjaya mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Motivasi pencapaian adalah satu sifat efektif, satu keupayaan untuk mengalami perasaan bangga yang terhasil daripada sesuatu kejayaan. Beliau berpendapat individu yang mempunyai kehendak pencapaian yang tinggi mempunyai golongan yang lebih suka mengambil tanggungjawab ke arah mencapai sesuatu matlamat dengan usaha sendiri. Oleh itu negara-negara yang mempunyai individu-individu yang tinggi motivasi pencapaiannya akan lebih maju lagi daripada Negara-negara yang mempunyai individu-individu yang rendah motivasi pencapaiannya.



Weiner (1974) pula berpendapat, motivasi pencapaian disifatkan sebagai sifat kognitif keupayaan untuk mengamati sesuatu hasil kerja berkaitan dengan pengamatan sebab-akibat sesuatu itu berlaku. Menurut beliau orang yang tinggi motivasi pencapaiannya akan menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan, lebih kepada kebolehan dan usaha daripada kesukaran tugas dan nasib.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Model Psikologi boleh diterjemahkan melalui model Hirarki Keperluan Maslow;



**Rajah 3 Model Hirarki Keperluan Maslow**

Sumber: Dipetik daripada Buku KBSM Perdagangan Tingkatan 4 (2002)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun




ptbupsi

#### 1.6.4 Teori-teori model keusahawanan mengikut pandangan Islam.

Rasullullah S.A.W membuktikan baginda adalah sebagai seorang usahawan yang berjaya dan cemerlang di Syiria, Oman, Bahrain dan lain-lain. Beliau berhijrah ke Madinah, membina pasar sebagai tempat perniagaan diutamakan disamping masjid. Sobri Solomon, (1988) dalam Adnan et.al (1992). Baginda Rasulullah juga telah membuka rahsia bahawa sumber rezeki dan kekayaan yang sebanyak 9/10 berada dalam bidang keusahawanan.

Model keusahawanan Islam ditunjukkan seperti di bawah;

##### Islam Menggalakkan Usaha Perniagaan.



**Rajah 4 Model Keusahawanan Islam**  
**Sumber: Disesuaikan daripada Adnan Allas 1992**



## 1.7 Kerangka Kajian

Untuk memudahkan penyelidik menjalankan kajian, satu kerangka kajian dibentuk supaya dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai kajian ini. Kerangka kajian ini merangkumi corak penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik.

Penyelidik ingin mengkaji profil keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar bumiputera di sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar di daerah Hilir Perak. Disamping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan gender di kalangan pelajar-pelajar berhubung dengan profil keusahawanan, latar belakang keluarga mempunyai hubungan dengan profil keusahawanan, persekitaran tempat tinggal pelajar - pelajar mempunyai hubungan dengan profil keusahawanan dan aliran atau jurusan pelajar-pelajar di sekolah ini dalam menentukan profil keusahawanan. Untuk menentukan profil keusahawanan pelajar-pelajar, penyelidik menggunakan 13 alat ketramplinan diri iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, cekal, mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasi kearah kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, penyelesaian masalah, keyakinan diri, ketegasan, kemampuan meyakinkan orang lain dan mampu mempengaruhi orang lain.


Hasil kajian yang akan diperolehi adalah samaada berbentuk positif iaitu mempunyai hubungan, ataupun yang berbentuk negatif iaitu tidak mempunyai hubungan, keputusan penyelidikan yang dibuat. Ini ditunjukkan dalam rajah 5.





## Rajah 5

### Kerangka Kajian





## 1.8 Objektif Kajian

### 1.8.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji profil keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera di Sekolah Menengah di Bandar dan di luar Bandar di daerah Hilir Perak

### 1.8.2 Objektif Khusus

- (i) Untuk mengenalpasti hubungan profil keusahawanan di kalangan pelajar bumiputera di sekolah luar bandar dan di bandar.
- (ii) Untuk mengenalpasti hubungan profil keusahawanan dengan gender pelajar.
- (iii) Untuk mengenalpasti hubungan profil keusahawanan di kalangan pelajar bumiputera dengan latarbelakang keluarga.
- (iv) Untuk mengenalpasti profil keusahawanan di kalangan pelajar bumiputera dengan persekitaran tempat tinggal.





- (v) Untuk mengenalpasti hubungan profil keusahawanan dengan pelajar bumiputera aliran sains berbanding pelajar bumiputera aliran prinsip perakaunan.

### 1.9 Persoalan Kajian

Daripada kajian-kajian dan penulisan yang lepas berkaitan dengan profil keusahawanan, selain latarbelakang dan persekitaran, penerapan dan sikap diri sendiri memainkan peranan yang penting. Dengan sebab itu adalah perlu kita mengkaji profil keusahawanan di kalangan pelajar bandar dan luar bandar dan amalan mereka dalam kehidupan seharian.

1.9.1 Adakah terdapat perbezaan dari segi jantina dalam profil keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar?

1.9.2 Sejauh manakah profil keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera di sekolah bandar dan di luar bandar ?

1.9.3 Sejauh manakah latarbelakang keluarga pelajar menentukan profil keusahawanan dalam kalangan mereka?

1.9.4 Sejauh manakah persekitaran tempat tinggal pelajar menentukan profil keusahawanan dalam kalangan mereka?

1.9.5 Adakah terdapat perbezaan di antara pelajar aliran sains dan pelajar yang mengambil prinsip perkaunan dalam menentukan profil keusahawanan dalam kalangan mereka?





## 1.10 Hipotesis Kajian

Berpandukan Persoalan kajian yang dikemukakan, beberapa hipotesis boleh dibentuk bagi menentukan sama ada wujudnya perbezaan antara pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan profil keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera di Sekolah Menengah di bandar dan di luar bandar di daerah Hilir Perak yang dikaji.

1.10.1 Ho: Tidak terdapat hubungan antara perbezaan jantina pelajar dengan profil kerusahawanan.

1.10.2 Ho: Tidak terdapat hubungan antara persekitaran sekolah samada dibandar ataupun di luar bandar dengan profil keusahawanan.



1.10.3 Ho: Tidak terdapat hubungan antara perbezaan latarbelakang keluarga pelajar dalam menentukan profil keusahawanan.

1.10.4 Ho: Tidak terdapat hubungan antara persekitaran tempat tinggal pelajar dalam menentukan profil keusahawanan dalam kalangan mereka.

1.10.5 Ho: Tidak terdapat hubungan antara pelajar prinsip perakaunan dan pelajar jurusan sains dengan profil keusahawanan





## 1.11 Batasan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di 8 buah sekolah yang terletak di daerah Hilir Perak . Sekolah-sekolah yang dipilih adalah dalam kategori bandar dan luar bandar. Setiap sekolah yang dipilih akan diedarkan dengan 30 set soalan soal selidik. Soalan soal selidik akan diedarkan oleh pengkaji melalui guru-guru prinsip akaun dan ekonomi asas di sekolah tersebut. Responden kajian akan dipilih secara rawak. Kajian ini mengenai profil keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera di sekolah bandar, dan luar Bandar di daerah Hilir Perak. Maklumat mengenai kajian yang akan diperolehi daripada responden, adalah berdasarkan maklumbalas melalui soal-selidik bertulis yang diedarkan. Semua soalan yang dikemukakan adalah bersesuaian dengan pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah



## 1.12 Definisi Operasional

Profil keusahawanan bermaksud memiliki ciri-ciri ketrampilan keusahawanan. Untuk menjadi seorang usahawan yang cemerlang dan berdaya maju perlu mempunyai ketrampilan keusahawanan. Penerapan profil keusahawanan adalah proses pembangunan sikap dan personaliti usahawan agar cintakan kejayaan dan kecemerlangan dalam setiap usaha yang dilakukan. Melalui proses ini akan membolehkan usahawan bertindak selaras dengan tuntutan moral, etika dan akhlak agar kesan daripada aktiviti yang dilakukan akan mendatangkan kesejahteraan kepada diri sendiri dan masyarakat pada masa kini atau yang akan datang.





Untuk mengenalpasti pelajar-pelajar yang memiliki profil keusahawanan, dalam kajian ini penyelidik menggunakan alat ketrampilan. Tiga kategori ketrampilan perlu ada pada seseorang usahawan iaitu ketrampilan perilaku, ketrampilan memulakan perniagaan, dan ketrampilan mengurus perniagaan. Kajian ini memberi penekanan khusus untuk mengenali usahawan dalam kalangan pelajar-pelajar, justeru ketrampilan perilaku adalah bersesuaian.

Kajian ini memberi penekanan khusus untuk mengenali usahawan dalam kalangan pelajar-pelajar, justeru ketrampilan perilaku adalah bersesuaian..

Ketrampilan prilaku mengemukakan 13 set ketrampilan iaitu;



Daya inisiatif adalah salah satu kemahiran keusahawanan yang paling penting. Usahawan yang berjaya lazimnya mempunyai daya inisiatif yang tinggi, mempunyai kecenderungan untuk melihat, dan menganalisis sesuatu situasi dan mengambil tindakan secara proaktif sebelum sesuatu berlaku. Mereka biasanya tidak menunggu sahaja peluang datang bergolek. Sebaliknya, mereka berusaha secara berterusan dan tidak putus asa walaupun apa yang bakal diterokainya belum dilakukan oleh orang lain atau dilihat pelik oleh orang ramai.

Menurut Albert Shapero (1975) dalam Adnan (1992), usahawan ialah seorang yang berinisiatif dan dapat mengorganisasi atau mengorganisasikan semula mekanisme



ekonomi untuk mewujudkan sumber dan situasi yang lebih praktikal serta sanggup menghadapi risiko atau kegagalan.

Ciri-ciri ini juga diperkuuhkan oleh Schumpter (1934), bahawa usahawan adalah seorang yang berinovasi dan berinisiatif.

(ii) **Merebut peluang.**

Usahawan yang berjaya sentiasa memikirkan pencapaian matlamat. Bagi mereka, matlamat yang ditetapkan datang daripada keupayaan melihat dan mengambil peluang yang terdapat di luar sana atau di persekitaran. Peluang perniagaan boleh diperolehi akibat masalah yang ditimbulkan oleh orang lain, perubahan teknologi, perubahan citarasa pengguna, perubahan cara hidup, perubahan sikap, sumber-sumber alam yang masih belum diterokai, peraturan dan undang-undang kerajaan dan sebagainya.

Menurut Peter Drucker (1985), usahawan yang berjaya sentiasa memaksimumkan peluang-peluang yang ada..

Jeffrey A. Timmons (1978) dalam Adnan (1992), seorang professor bidang keusahawanan dan penulis buku ‘The Entrepreneurial Mind’, menyatakan keusahawanan lebih kepada memburu peluang tanpa menghiraukan sumber atau kekurangan sumber yang dimiliki.



### (iii) Kecekalan

Menurut McClelland (1961), seorang usahawan mengambil risiko untuk mencapai kejayaan.

Menurut Welsh dan White (1981) dalam Aini Hayati et.al., (2003) usahawan mempunyai ciri-ciri bertanggungjawab, berkeyakinan diri dan mempunyai dorongan yang kuat, suka kepada cabaran serta pengambil risiko yang sederhana.

Bila berhadapan dengan masalah yang rumit, seseorang usahawan yang cekal akan memberikan banyak masa untuk menyelesaiannya. Bagi mereka gagal sekali tidak bermakna akan gagal selama-lamanya. Mereka tidak akan mudah berasa kecewa atau mengaku kalah. Usahawan yang cekal amat berpegang teguh kepada kata-kata ‘enggam bara api biar sampai jadi arang’. Mereka akan mencuba pelbagai kaedah dan strategi sehingga semua masalah dan halangan dapat diatasi atau sehingga tercapai apa yang dicita-citakannya. Mereka sanggup menanggung risiko sebelum mencapai kejayaan. Muhammad Salleh Majid (2003).

### (iv) Mencari maklumat

Menurut Dunkelberg dan Cooper (1990), usahawan yang berjaya berorientasikan pertumbuhan, berorientasikan kebebasan dan berorientasikan kemahiran.





Usahawan yang berjaya mesti mempunyai pengetahuan perniagaan dan teknologi yang mendalam. Pengetahuan perniagaan akan membantu usahawan menguruskannya dengan lancar manakala pengetahuan teknologi pula membolehkan usahawan mengeluarkan sesuatu barang atau perkhidmatan dengan baik bagi menjamin kualiti keluaran yang terbaik.

**(v) Menitikberatkan mutu kerja yang tinggi**

Ahmad Berek (1976) menjelaskan bahawa seseorang usahawan akan sentiasa berasa tidak puas hati dengan kejayaannya. Dia akan sentiasa memperbaiki mutu kerjanya dari segi kuantiti dan kualiti untuk mengatasi kebolehan dan keupayaan orang lain. Ketidakpuasan ini akan mendorongnya untuk berusaha dengan lebih giat dan bersungguh-sungguh untuk mencapai standard yang ditetapkan sama ada oleh dirinya sendiri atau orang lain. Usahawan tidak akan berhenti belajar sesuatu yang baru. Usahawan dapat melengkapkan dirinya melalui bacaan, mengambil kursus-kursus tertentu dan melibatkan diri dalam aktiviti sosial.

**(vi) Komitmen terhadap perjanjian kerja.**

Menurut Lamb dan kuehl (1997), bahawa seorang usahawan yang berjaya mesti mempunyai tahap keghairahan atau minat yang tinggi terhadap penceburan atau penerokaan keusahawanan, berorientasikan kesempurnaan dan melihat sesuatu secara menyeluruh dari pelbagai perspektif.



Mereka juga sentiasa memberi tumpuan ke atas kerjanya. Sanggup bekerja lewat dan membuat perngorbanan diri untuk menyiapkan kerja dalam masa yang ditentukan. Usahawan akan membuat apa sahaja untuk menyiapkan sesuatu kerja. Apabila mereka membuat sesuatu kerja untuk seseorang, mereka akan cuba sedaya upaya membuat orang itu berpuas hati dengan kerjanya. Muhamad Saleh Majid (2003).

**(vii) Beroreintasikan ke arah kecekapan.**

Menurut Hornaday dan Abound (1971), dalam Aini Hayati et. al., usahawan perlu kepada pencapaian dan autonomi, agresif, inovatif, kuasa, pengiktirafan atau tidak suka bergantung kepada orang lain.

Seseorang usahawan yang berjaya gemar menilai prestasi dirinya. Dia memiliki keinginan yang kuat untuk menggunakan pengetahuan yang ada bagi memperbaiki prestasinya. Ciri-ciri ini amat berkait rapat dengan kehendak untuk belajar daripada kesilapan lalu. Oleh itu, seorang usahawan juga dikenali sebagai pendengar yang prihatin dan pelajar yang pantas. Muhamad Saleh Majid (2003).

**(viii) Membuat Perancangan Yang Sistematik.**

Usahawan yang berjaya biasanya mempunyai matlamat yang jelas dan berwawasan. Pembentukan matlamat dan wawasan ini memerlukan perancangan dan penelitian yang rapi serta pola pemikiran yang cemerlang. Matlamat dan wawasan ini



bukanlah sekadar untuk jangka masa terdekat tetapi menjangkau jangka masa panjang dan ke depan. Perkiraan peluang, cabaran, ancaman dan risiko sudah dipertimbangkan dengan teliti dan secara realistik. Muhammad Salleh Majid (2003)

#### (ix) Penyelesaian Masalah

Usahawan yang mempunyai minda yang kreatif dapat menyelesaikan masalah dengan logik. Mereka melihat masalah sebagai suatu cabaran dan bukan halangan. Kreativiti dijelaskan sebagai kebolehan mengembangkan idea-idea baru dan mempunyai pandangan berlainan terhadap sesuatu peluang atau masalah. Inovasi pula merupakan kebolehan mengaplikasikan penyelesaian kreatif terhadap sesuatu masalah dan peluang untuk memperkuuh dan memperkayakan kehidupan manusia. Ini kerana keupayaan menyesuaikan diri terhadap perubahan permintaan pelanggan dan perniagaan ialah satu ciri seorang usahawan yang berjaya. Dalam dunia masa kini yang sentiasa berubah-ubah, kebolehan bertindak secara fleksibel memerlukan daya kreativiti yang tinggi.

Menurut Raymond (1995), usahawan yang kreatif dan inovatif adalah individu yang membangunkan kekayaan melalui proses tambah nilai yang dilakukan dengan cara menghidupkan idea, mengembangkan sumber-sumber dan membuatkan sesuatu itu terjadi.





Menurut Welsch dan Young (1982) dalam Aini Hayati et.al., (2003), usahawan yang kreatif mempunyai lokus kawalan dalaman, keterbukaan kepada inovasi, harga diri dan ‘Machavellianisme’.

#### (x) Keyakinan diri

Seorang usahawan memiliki keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan diri sendiri. Mereka percaya bahawa apa yang mereka capai adalah dalam kawalan mereka sendiri. Mereka juga seorang yang optimis. Mereka yakin akan berjaya di dalam apa yang cuba dilakukan, memandangkan dunia keusahawanan ini penuh dengan cabaran, maka mereka hendaklah berani dan yakin dengan kemampuan diri dalam menyahut cabaran. Untuk menambah keyakinan diri, usahawan hendaklah melihat proses menuntut ilmu adalah suatu proses yang berterusan sepanjang hidup. Dengan ini usahawan hendaklah banyak membaca bahan-bahan bacaan yang dapat membantunya membuat keputusan dan melihat peluang-peluang, melibatkan diri dalam kegiatan persatuan, membina jaringan kenalan dari pelbagai sumber dan melangkapkan diri dengan bentuk kemahiran yang diperlukan secara khusus dalam perniagaannya sekarang dan kemahiran yang diperlukan di masa depan.

Ciri ini diperkuuhkan oleh kajian Davids (1963) dalam Aini Hayati et.al., (2003) bahawa usahawan bercita-cita tinggi, keperluan kepada kebebasan, bertanggungjawab dan berkeyakinan diri.



**(xi) Ketegasan**

Seseorang usahawan yang berjaya bersifat tegas. Mereka sentiasa berterus terang seperti memberitahu pekerja apabila pekerjaan mereka tidak buat seperti yang dijangkakan. Jika marah atau berduka dengan seseorang, mereka akan memberitahu orang yang berkenaan itu. Kalau tidak bersetuju dengan orang lain, mereka akan membantah atau menentang, serta memberitahu apa yang harus dilakukan walaupun pihak lain tidak mahu membuatnya.

**(xii) Kemampuan meyakinkan orang lain**

Seseorang usahawan mesti juga mampu mempengaruhi keadaan persekitarannya, termasuk individu atau institusi yang mempunyai kepentingan dalam perniagaannya. Mereka juga harus berupaya meyakinkan orang lain tentang idea barunya ataupun mempengaruhi rakan kongsi atau institusi kewangan untuk menyumbang modal atau pinjaman bagi menjayakan rancangan barunya.

**(xiii) Mampu menggunakan strategi pengaruh**

Usahawan juga perlu memikirkan strategi-strategi yang sesuai bagi mempengaruhi dan mengubah cita rasa pelanggan terhadap barang yang dikeluarkan. Usahawan juga perlu merangsang pekerja supaya mempunyai tahap motivasi yang tinggi untuk menyiapkan kerja yang diberi.

